



PEMBINGKAIAN BERITA
PILIHAN RAYA UMUM KE-13
MALAYSIA OLEH KOMPAS DAN
REPUBLIKA

by Ruslan Ramli

Submission date: 10-Jan-2022 12:16PM (UTC+0700)

Submission ID: 1739399365

File name: A_PILIHAN_RAYA_UMUM_KE-13_MALAYSIA_OLEH_KOMPAS_DAN_REPUBLIKA.pdf (251.58K)

Word count: 6692

Character count: 42096

**PEMBINGKAIAN BERITA PILIHAN RAYA UMUM KE-13
MALAYSIA OLEH *KOMPAS* DAN *REPUBLIKA***
(Framing the Malaysia 13TH General Election News by *Kompas* and *Republika*)

Ruslan Ramli, Chang Peng Kee, Shahrul Nazmi Sannusi

ABSTRAK

Pilihanraya Umum ke 13 (PRU13) yang berlangsung di Malaysia pada 5 Mei 2013 lalu menjadi titik penting kepada perkembangan demokrasi sihat dalam negara ini. Pada masa yang sama, kejayaan parti Barisan Nasional (BN) mengekalkan tampuk pemerintahan telah banyak mendapat liputan media antarabangsa kerana menganggap PRU 13 kali ini sebagai sangat sengit dan mendebarkan. Maka, kajian ini dijalankan bagi mengetahui kandungan dan pembingkaiian Pilihan Raya Umum Ke-13 Malaysia dalam akhbar *Kompas* dan *Republika*. Kajiannya cuba mengungkap kecondongan dan pembinaan bingkai berita kedua-dua akhbar Indonesia tersebut ke atas PRU Malaysia dengan mengguna pakai analisis kandungan kualitatif berpadukan model bingkai Gamson & Modigliani (1989). Hasilnya, *Kompas* dan *Republika* memandang PRU Malaysia sebagai peristiwa bagi kepentingan hubungan Indonesia dan Malaysia. Oleh itu, *Kompas* mahupun *Republika* menumpukan ruang cukup besar kepada PRU Malaysia melalui peletakan berita sebagai berita utama dan frekuensi berita yang berterusan sebelum dan sesudah hari pengundian. *Kompas* bahkan mengirim wartawannya ke Kuala Lumpur kerana PRU Malaysia sangat penting bagi Indonesia. Manakala pembingkaiian berita, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar ini memihak kepada salah satu calon dan parti tertentu.

Kata kunci: Berita PRU Malaysia, analisis kandungan, analisis pembingkaiian, PRU, *Kompas*, *Republika*

ABSTRACT

The 13th General Election (GE13) was held in Malaysia on May 5, 2013 and became an important point for the healthy development of democracy in this country. At the same time, the success of the

¹ Barisan Nasional (BN) retaining the reign of the government has been widely covered by the international media as regards the GE-13 this time as very intense and thrilling. So, this study was undertaken to determine the content and framing of the 13th General Election in Malaysia by the *Kompas* and *Republika* newspaper. This research is trying to uncover the news frame construction of both the Indonesian newspaper on the GE in Malaysia by adopting qualitative content analysis using model of Gamson and Modigliani (1989). As a result, *Kompas* and *Republika* looked at Malaysia GE as an event for the benefit of the relationship between Indonesia and Malaysia. Therefore, *Kompas* and *Republika* devoted considerable space to the GE in Malaysia through constantly laying of news headlines and news frequency before and after the polling day. *Kompas* even sent a reporter to Kuala Lumpur for the Malaysian general election is very important for Indonesia. While framing the news, the results showed that both newspapers are in favor of one particular candidate or party.

Keywords: Malaysia General Elections News, content analysis, framing analysis, GE, Kompas, Republika

PENGENALAN

Malaysia mengadakan PRU Ke-13 pada 5 May 2013. Seramai 13 juta lebih pengundi mengundi calon pemimpin dan anggota parlimen. Mereka memiliki hak pilih dan secara serentak mendatangi lokasi pengundian. Proses PRU memperolehi perhatian media dalaman mahupun luaran negara sebab ia mempunyai nilai berita tinggi. Media-media tersebut melaporkan dan membina isu secara berbeza. *Kompas* dan *Republika* ialah akhbar Indonesia yang mengambil kira PRU ke-13 melalui berita-berita yang diletakkan pelbagai muka surat. Sebelum dan selepas masa kempen, kedua-duanya menyiarkan isu dan peristiwa politik yang menyertainya. Persaingan antara PM Najib Razak dan bekas TPM Anwar Ibrahim tersaji dalam bingkai berita yang dibaca setiap hari. Sesuai konsep kewartawanan, PRU ke-13 dianggap memiliki nilai berita tinggi kerana mengandungi *magnitude*, *proximity*, menarik, impak, tokoh, konflik, kemajuan, dan sebagainya. Galtung & Ruge (1965) mengatakan nilai berita boleh terdiri atas pelbagai aspek seperti pembabitian tokoh ternama, elit kerajaan, tidak *ambigue*, dan sebagainya. Kedua-duanya membahas soalan yang sedang popular dan berimpak kepada negara. Brighton & Foy (2007:8) mengatakan konflik merupakan nilai berita. Bagi kewartawanan damai konvensional, konflik antara tumpuan nilai berita. Perspektif konflik melihat fakta sosial sebagai standar kelayakan berita yang tinggi. Etika kewartawanan menghormati asas ketidakberpihakan.

Pada PRU Malaysia ini, media Indonesia boleh dianggap terjebak pada isu

¹ berkepentingan. Akhbar-akhbar menyajikan berita demi kepentingannya sahaja. Padahal mereka sepatutnya mereka menyajikan berita secara objektif. Mereka tidak boleh menyiarkan berita yang memihak dan memujukkan salah satu pihak. Westersthal (dalam McQuail, 1994: 112) mengatakan berita secara objektif terdiri atas faktualiti dan impartialiti. Faktualiti meliputi kebenaran dan relevansi, manakala impartialiti mengenai keseimbangan dan netraliti. Faridah (2014) mengatakan media sepatutnya membina konsep kewartawanan damai. Kandungan beritanya menumpukan kewartawanan damai, bukan kewartawanan perang. Media diharapkan membina konsep seimbang dan berperanan sebagai penopang terciptanya sistem politik yang demokratik. (Safar, 1996). Jeniri Amir (2007) mengatakan media memainkan peranan penting dalam politik pemaknaan dan pada dasarnya tidak memproduksi berita, melainkan mentakrifkan realiti melalui kata-kata. Media menyiarkan berita PRU dengan pelbagai kepentingan. Ada yang netral, ada pula yang berpihak kepada yang lain. Keberpihakan tersebut boleh didapati melalui peletakan berita, pilihan sumber penulisan berita, gambar, arah tajuk, arah berita, dan sebagainya.

Untuk mengetahui berita *Kompas* dan *Republika* ke atas PRU Malaysia itu, metode analisis kandungan dan pbingkaian boleh diguna pakai. Analisis kandungan ditujukan bagi mengenal pasti secara sistematis dalaman komunikasi yang tampak dan dilakukan secara objektif, valid, reliabel, serta dapat direplikasi. Barelson (1952) mengatakan analisis kandungan dilakukan secara objektif, sistematis, dan deskripsi kuantitatif. Dengan analisis pbingkaian, berita PRU dapat diketahui. Analisis pbingkaian menjadi alat penguji kerana ianya secara sederhana dapat diguna pakai bagi mengetahui bagaimana realiti dibingkai oleh kedua-dua akhbar tersebut. Pbingkaian itu tentu sahaja melalui proses konstruksi. Dalam membuat berita, realiti sosial dikonstruksi dan dimaknai. Entman (2008) mengatakan pbingkaian adalah proses seleksi, menerima realiti, kemudian membuatnya lebih menonjol. Ada empat fungsi pbingkaian iaitu pembahasan masalah, penyebab masalah, penilaian moral, dan solusi. Chong & Druckman (2007) mengatakan isu dapat dilihat dari pelbagai perspektif dan ditafsirkan dengan pelbagai nilai. Pbingkaian merupakan proses orang-orang membinakan konsep khusus terhadap suatu isu atau mengorientasikan kembali apa yang mereka fikirkan tentang sebuah isu. Schuck & Vreese (2006) mengatakan pbingkaian berkaitan observasi, maka media dapat menggambarkan sesuatu dan topik yang sama dengan cara berbeza, menumpukan evaluasi tertentu atau bahagian-bahagian isu sahaja.

1

Gamson & Modigliani (1989) mengatakan analisis pembedaan ialah cara bercerita yang tersusun rapi dan menghadirkan konstruksi makna realiti yang terbentuk dalam kemasan. Kemasan itu seperti skema yang dipakai individu mengkonstruksi makna pesan-pesan dan mentafsirkannya. D'Angelo dan Kuypers (2010:46) mengatakan dalam bercerita, komunikator menyeleksi pelbagai interpretasi dan diutamakan maknanya. Analisis pembedaan diperkenalkan oleh beberapa pakar seperti Goffman (1974) dan Tuchman (1978). Goffman (1974) melihat dari dua pendekatan iaitu psikologi dan sosiologi. Psikologi mengarah pada bagaimana kesan kognisi seseorang dalam membentuk skema tentang diri sendiri dan ide tertentu, manakala sosiologi melihat bahawa manusia secara aktif mengamalkan klasifikasi dan kategorisasi atas pengalaman hidupnya. Hallahan (2008) mengatakan pembedaan ialah alat retorik yang dipakai komunikator guna menghadap keadaan dan hujah. Pembedaan adalah elemen kritis dalam mengkonstruksi realiti sosial kerana ianya membentuk persepsi dan menyediakan konteks bagi memproses maklumat.

Kompas dan *Republika* mempunyai persamaan dan perbezaan dalam menyiarkan berita PRU Malaysia. Ianya ditentukan oleh kebijakan bilik berita berdasarkan pertimbangan dan agendanya. Persamaan misalnya boleh diperolehi pada aspek peletakan berita. Ruang beritanya mencapai 5-6 kolom. Pada hari pengundian dan satu hari sesudahnya, *Kompas* dan *Republika* meletakkannya sebagai berita utama dan foto utama. Dari segi isu, *Kompas* dan *Republika* memiliki persamaan iaitu membina isu persaingan dua calon PM iaitu Najib Razak dan Anwar Ibrahim. Kedua-duanya ialah tokoh utama bagi dua kubu yang sedang bersaing. Najib di Barisan Nasional dan Anwar di Pakatan Rakyat. Anwar mengangkat isu bersih dan perubahan, manakala Najib mengangkat pembaikan kondisi masyarakat. Penentuan tajuk beritanya juga sangat mirip. Pada muka surat depan edisi Selasa (6/5/2013), kedua-duanya menuliskan tajuk berita tentang Najib Razak yang unggul sementara. Padahal isunya lebih membagi citra positif kepada Anwar Ibrahim berbanding Najib Razak. *Kompas* dan *Republika* sama-sama menjadikan persoalan tinta sebagai sebagai kes serius dan membinakannya sebagai isu kecurangan.

Selari itu, *Kompas* dan *Republika* memiliki perbezaan dalam menyajikan berita PRU. Intensiti penerbitan berita misalnya, *Kompas* lebih kerap berbanding *Republika*. Dari segi sokongan berita seperti grafik, foto, dan penyebutan nama, *Kompas* lebih besar berbanding *Republika*. Dari segi orisinaliti berita, *Kompas* mengirim wartawan ke Kuala Lumpur manakala *Republika* hanya mengambil

¹ berita dari agensi berita. Namun demikian, *Republika* lebih sering meletakkan berita di muka surat utama berbanding *Kompas*. Adanya persamaan dan perbezaan ini memunculkan pertanyaan. Mengapa demikian? Apakah mereka berpihak kepada salah satunya? Analisis pembedahan sesuai bagi menjawabnya. Reese (2003) mengatakan pembedahan mengarah pada peristiwa dan isu yang diatur oleh media. Oleh itu, penyelidikan ini akan mengungkap kecondongan dan pembedahan *Kompas* dan *Republika* ke atas berita PRU Malaysia.

Kajian ini mempunyai pokok persoalan tentang bagaimana kecondongan dan pembedahan berita *Kompas* dan *Republika* ke atas PRU Malaysia. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti kecondongan berita dan mengungkap bingkai berita *Kompas* dan *Republika* ke atas PRU Malaysia. Kaedah penyelidikan yang diguna pakai ialah analisis kandungan kualitatif yang diuraikan deskriptif. Selain itu, kajian ini memakai model Gamson & Modigliani (1989) melalui dua peranti iaitu peranti pembedahan dan peranti penalaran.

KAJIAN LEPAS

Kajian tentang pilihan raya yang memakai metod analisis pembedahan cukup ramai dijalankan para sarjana sosial. Fazil (2012) mengkaji pilihan raya Aceh yang dilakukan oleh akhbar tempatan. Fazil mengkaji konflik yang dikandung akhbar tempatan ke atas pilihan raya tersebut. Dengan memakai model Gamson dan Modigliani, kajian ini mendapati hasil bahawa akhbar tempatan mempunyai sokongan mahupun penolakan ke atas pilihan raya tersebut. Banyak wacana yang muncul ketika konflik peraturan pilihan raya diamalkan di Aceh. Wacana tersebut dijalankan akibat konstruksi atas berita yang didedahkan oleh akhbar tempatan dan akhbar nasional. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa dalam mengkonstruksi realiti, media belum memakai tahap objektif yang baik. Secara keseluruhan, penyelidikan ini melihat bagaimana pemberitaan media terhadap konflik peraturan pilihan raya di Aceh. Konstruksi yang didapati belum sampai pada peningkatan kualiti media ke atas sebuah berita. Berita konflik peraturan pilihan raya di Aceh didominasi oleh faktor dalaman dan luaran media.

Perbandingan akhbar yang memakai analisis pembedahan diamalkan pula oleh Herman & Nurdiansa (2010). Kajian ini menganalisis pembedahan konflik Palestin-Israel pada *Kompas* dan

¹ *Radar Sulteng* dengan dapatan adanya perbezaan kedua-dua akhbar itu dalam mengkonstruksi sebuah realiti. Pertama, cara menyajikan pemberitaan konflik melalui *hardnews*, fikiran, dan tulisan khas. *Kompas* tidak memberikan pernyataan yang meringankan Palestin. Kedua, secara garis besar penyebab masalah yang dibingkai *Kompas* lebih dominan kepada Palestin, manakala *Radar Sulteng* lebih dominan menjadikan Israel sebagai penyebab masalah. Ketiga, perbezaan kedua-duanya adalah pada penilaian sikap moral ke atas Israel atau Palestin. *Kompas* memberikan alasan moral bahawa apa yang Israel jalankan adalah sesuatu yang terpaksa dilakukan kerana Palestin yang memulai konflik. Manakala *Radar Sulteng* fokus pada kesilapan Israel sebagai punca masalah. Palestin sebagai mangsa dan akhbar ini memujukkan Israel. Keempat, faktor tempatan. Ertinya, *Kompas* melihat realiti dalam perspektif nasional, manakala *Radar Sulteng* dalam perspektif tempatan. Meskipun berbeza, *Kompas* dan *Radar Sulteng* memberikan solusi perdamaian agar perang dihentikan dan kedua-duanya berunding bagi mengurangkan penderitaan rakyat.

Garyante dan Murphy (2010) mengkaitkan ideologi dalam pembingkai berita pilihan raya Iraq pada 2005 yang disiarkan *CNN.com* dan *Aljazeera.net*. Dapattannya diperolehi bahawa *CNN.com* mengungkapkan adanya ideologi pentaklukan budaya. *CNN.com* mbingkai dengan menyentuh sentimen patriotik menuju demokrasi stail dunia barat. Manakala *Aljazeera.net* mengungkap ketidakpercayaan dan kecurigaan terhadap AS. *Aljazeera.net* mbingkai berita dengan rasa curiga, kurang sah, dan gaduh. Gustia (2009) membahas konflik Israel-Palestin dengan model Gamson dan Modigliani. Gustia mengkaji majalah *Sabili* dan *TEMPO* yang mengkonstruksi berita atas konflik Israel dan Palestin. Dapattannya mengungkapkan bahawa dalam mengkonstruksi realiti, *Sabili* dan *TEMPO* belum membina kualiti informasi antarbangsa. Kedua-duanya masih kerap menceritakan struktur luar dari peristiwa itu. Akibatnya, pembinaan perdamaian dunia belum tercapai baik. Sepatutnya konstruksi realiti media terhadap berita konflik Israel-Palestin menonjolkan substansi soalan agar kalangan awam tahu dan faham apa yang berlaku di sana.

Perbandingan media cetak tentang pemberitaan konflik dijalankan oleh Handley dan Ismail (2008). Kajiannya membahas tentang media, perang, dan konflik Palestin dan Israel. Kajian ini menggambarkan media AS dan Israel mbingkai berita ke atas perang itu. *The New York Times* dan *Washington Post* serta *Jerusalem Post* mbingkai perang kedua-dua negara ke dalam label berita “kalian” menjadi berita “kita berdua”. Pada kajian ini, terbentuk sebuah format berita kami,

¹ berita kalian, dan berita kita berdua. Media Amerika Syarikat dan Israel berkongsi dengan memberi label konflik mereka dan konflik kita. Media Israel tidak memberikan ruang kepada *Intifadah*, tetapi justeru fokus pada kegiatan Israel. Kesimpulannya, *Jerusalem Post* memberi label teroris kepada Palestin dan menyokong Israel. Manakala *The New York Times* dan *Washington Post* lebih professional memandang apa yang berlaku.

DAPATAN KAJIAN

ANALISIS KANDUNGAN

Berdasarkan hasil kajian, *Kompas* dan *Republika* mempunyai intensiti penerbitan berita yang berbeza seperti terlihat pada jadual 1.

Tarikh 2003	<i>Kompas</i>	<i>Republika</i>
6 May	1	2
5 May	1	1
4 May	1	1
3 May	2	1
2 May	1	1
1 May	1	-
29 April	1	-
28 April	1	-
27 April	1	1
24 April	1	-
Total	11 (61%)	7 (39%)

Berdasarkan jadual 1, pengkaji mendapati bahawa intensiti *Kompas* lebih besar berbanding *Republika*. Daripada 18 berita yang ada, *Kompas* menyiarkan berita PRU seramai 11 berita (61 %) manakala *Republika* hanya 7 berita (39 %).

¹ Dari aspek sokongan berita, *Kompas* dan *Republika* bertumpu pada foto, grafik, karikatur, dan petikan. Indikator tersebut diwujudkan dan menyertai berita bagi mempercantik wajah muka surat. Dari kedua-duanya, *Kompas* lebih menumpukan pada gambar dan grafik, manakala *Republika* memasang petikan. Secara terperinci boleh dilihat pada jadual 2 berikut.

Penyokong	<i>Kompas</i>	<i>Republika</i>
Gambar	9	4
Grafik	15	4
Karikatur	1	-
Petikan	-	1
¹ Total	25 (73,5%)	9 (26,5%)

Merujuk pada jadual 2, pengkaji mendapati bahawa *Kompas* sangat unggul dibandingkan *Republika*. Daripada 34 total sokongan berita, *Kompas* mengambil kira lebih besar iaitu 73,5 % (25 sokongan) berbanding *Republika* yang hanya 26 % (9 sokongan). Dari keempat-empat indikator sokongan itu, gambar dan grafik antara yang paling menonjol. Bahkan *Kompas*, 60% daripada keseluruhan sokongan beritanya bertumpu pada grafik. Manakala yang kurang menonjol ialah karikatur dan petikan.

Dari segi sumber penulisan berita, *Kompas* mahupun *Republika* sama-sama memakai tiga indikator iaitu liputan langsung, liputan tidak langsung dan agensi berita. Kedua-duanya memandang kehadiran pihak luar sangat membantu dalam mendapatkan berita. Secara terperinci boleh dilihat pada jadual 3 berikut. .

Sumber berita	<i>Kompas</i>	<i>Republika</i>
Liputan langsung wartawan	4	0
Liputan lewat talipon	2	2
Agensi berita	9	3
Total	15 (60%)	7 (40%)

¹ Pada prinsipnya, *Kompas* dan *Republika* lebih memperkasakan agensi berita dalam memperoleh berita. Kedua-dua akhbar ini bertumpu pada agensi berita kerana ianya punya sumber-sumber berita yang lebih luas. *Kompas* lebih akurat berbanding *Republika* kerana mengutus langsung wartawannya ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan langsung PRU Malaysia, manakala *Republika* tiada wartawannya ke Kuala Lumpur.

Dari segi peletakan berita, PRU Malaysia dipandang sangat penting. Buktinya *Kompas* dan *Republika* turut meletakkan di muka surat utama. Berita-berita lainnya diletakkan pada bahagian lain akhbar ini. Secara terperinci boleh dilihat pada jadual 4 berikut.

Letak berita	<i>Kompas</i>	<i>Republika</i>
Muka surat utama	2	4
Muka surat dalam	9	3
Total	11 (61%)	7 (39%)

Merujuk pada jadual 4, sama ada *Kompas* dan *Republika* memandang PRU Malaysia sebagai peristiwa penting. Ini boleh dilihat pada peletakan berita di kedua-dua akhbar tersebut pada muka surat utama. Bahkan khusus *Republika*, daripada tujuh beritanya, ia meletakkan 57% (empat berita) di muka surat utama berbanding muka dalam yang hanya 43% (tiga berita). Manakala *Kompas*, daripada 11 beritanya, 22% (2 berita) diletakkan di muka surat utama.

PEMBINGKAIAN KOMPAS

i. Teras Pembingkai

Selama masa kempen, *Kompas* mulai menyajikan berita PRU pada 24 April 2013. Pada

¹ edisi tersebut, *Kompas* menganggap PRU sebagai persaingan dua kubu yang berebut simpati rakyat Malaysia. Anwar Ibrahim memimpin Pakatan Rakyat dan Najib Razak memimpin Barisan Nasional. Teras pementakan *Kompas* berjaya membinakan wacana bahawa ada dua kubu yang bersaing iaitu Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional. Persaingan Anwar dan Najib boleh dilihat pada berita *Kompas* edisi Rabu (24 April 2013) dengan tajuk “Oposisi Jual Sukses, BN Waswas”, “Anwar Ibrahim Yakin Menang” (Rabu, 1 May 2013), “Ada Indikasi Kecurangan” (Kamis, 2 May 2013), “Pemilu Semakin Mendebarkan” (Sabtu 4 May 2013), “Sengit Sampai Akhir (5 May 2013), “Barisan Nasional Unggul Sementara” (6 May 2013). Bahkan pada edisi Jumat 3 May 2013, tiga tajuk berita *Kompas* sama-sama mengandungi persaingan Anwar Ibrahim dan Najib Razak iaitu “Malaysia Punya Pilihan Kuat”, “Era Pembangkang”, dan “Malaysia Tak Bisa Mengelak”.

¹ Wacana persaingan Anwar dan Najib tak lepas dari sejarah kedua-dua tokoh ini. Anwar merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri yang pernah menjadi orang penting di Barisan Nasional. Sebelum menjadi pembangkang, Anwar ialah orang penting kedua Barisan Nasional setelah Mahatir Mohammad. Manakala Najib merupakan tokoh utama Barisan Nasional mahupun UMNO. Isi berita yang mengandungi persaingan Anwar dan Najib boleh dilihat pada berita berikut:

...”Dua kubu ini sama-sama yakin memenangi pemilu, dan punya pendukung sama fanatiknya”... (*Kompas*, 2 Mei 2013)

...”Semua pihak mengamati pemilu dengan hati berdebar-debar. Akankah kubu petahana atau pembangkang yang berjaya”... (*Kompas*, 2 Mei 2013)

...”Banyak orang memperkirakan bahawa akan berlaku di persaingan sengit antara koalisi partai yang berkuasa. Barisan Nasional, dan aliansi oposisi –Partai Islam Pan-Malaysia, Partai Aksi Demokrasi, dan Partai Keadilan—dengan tokohnya Anwar Ibrahim”... (*Kompas*, 3 Mei 2013)

...”Persaingan sengit tidak terlihat di antara para kubu calon legislatif dari dua kubu. Kampanye kali ini menjelma menjadi persaingan antara Najib dan Anwar”... (*Kompas*, 5 May 2013)

1
ii. Peranti Pembingkai

Ide yang dibinakan dalam berita disokong oleh pemakaian simbol tertentu. Simbol digunakan bagi memberikan kesan dan penonjolan makna. Simbol dapat diamati melalui pemakaian kata, kalimat, gambar, grafik, petikan mahupun karikatur. Semua unsur tersebut dipakai dalam teks dan difahami sebagai bahagian dari pembingkai yang dilakukan oleh *Kompas*. Semua elemen dalam peranti pembingkai digunakan bagi memberikan imej kepada pembaca ke atas PRU Malaysia. Dalam teks berita, *Kompas* membina imej persaingan dua tokoh utama Malaysia iaitu Anwar Ibrahim dan Najib Razak. Dalam pelbagai berita yang disiarkan menunjukkan bahawa *Kompas* sememangnya telah membuat kompetisi di antara kedua-dua tokoh tersebut.

Untuk metafora, *Kompas* mengumpamakan PRU Malaysia tahun ini sebagai hari pengadilan bagi parti penguasa. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...“Pemilu selalu merupakan hari pengadilan bagi parti yang berkuasa...” (*Kompas*, 3 May 2013)

Penggunaan metafora dalam *Kompas* ini menumpukan segala polis yang dijalankan pemerintah dalam lima tahun berkuasa akan diadili oleh rakyat Malaysia. Rakyat akan menentukan pilihan bagi menyokong atau tidak menyokong kembali parti pemerintah.

Seterusnya untuk peranti pembingkai, slogan yang diguna pakai oleh *Kompas* iaitu bersih dan perubahan. Penonjolan kata bersih dan perubahan yang diwacanakan Anwar ditujukan bagi memujukkan pemerintahan Barisan Nasional sekali menciptakan minda positif kepada kalangan pembangkang di mata kalangan awam. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Pakatan Rakyat di Penang dianggap sebagai pemenuhan aspirasi rakyat yang sangat mendambakan pemerintahan bebas korupsi”... (*Kompas*, 24 April 2013)

...”Aroma kecurangan menjelang pelaksanaan pemilihan umum Malaysia terasa menguat. Kelompok pro reformasi pemilu Gerakan Bersih dan kelompok oposisi menyebutkan kecurangan penyediaan

¹ tinta penanda pemilih yang mudah dibersihkan, dan bentuk intimidasi politik di beberapa tempat”... (*Kompas*, 2 May 2013)

...”Koalisi oposisi Pakatan Rakyat gencar menyerukan kata bersih dan ubah. Dua kata ini merujuk pada tema utama kampanye mereka untuk membersihkan korupsi dan perubahan sistem pemerintahan dan politik”... (*Kompas*, 2 May 2013)

Penonjolan kata bersih dan berubah kembali diulangi *Kompas* pada berita di bawah ini:

...”Selain mengusung moto bersih merujuk pada pemerintahan yang korupsi, dan ubah merujuk pada perubahan”... (*Kompas*, 3 May 2013)

Untuk contoh atau ilustrasi, *Kompas* menunjukkan hasil survei yang dijalankan pelbagai pihak di Malaysia. Survei-survei tersebut berjaya mengangkat populariti Anwar berbanding Najib. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Sosok pemimpin oposisi Malaysia, Anwar Ibrahim, ternyata sedikit lebih populer ketimbang rival politiknya, pejabat petahana, Perdana Menteri Najib Razak. Hasil jajak pendapat menunjukkan sebanyak 43 persen calon pemilih mendukung Anwar, sedangkan 39 persen lainnya memilih Najib”... (*Kompas*, 27 April 2013).

...”Sebanyak 42 persen responden menginginkan Anwar Ibrahim memimpin negara. Sebanyak 41 persen responden memilih Najib Razak”... (*Kompas*, Jumaat 3 May 2013 dan Sabtu, 4 May 2013).

Kompas memberi label tentang stigma negatif kepada pemerintahan Najib yang korupsi dan berperilaku curang menjelang pilihan raya. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Namun dia juga mengaku sangat khawatir Barisan Nasional akan melakukan kecurangan dalam pemilu demi mempertahankan kekuasaan mereka”... (*Kompas*, 1 May 2013)

...”Untuk menghadapi kemungkinan itu, kami harus mampu menggalang dukungan lebih besar lagi dari rakyat Malaysia agar mereka bersedia datang ke lokasi pemungutan suara dan memilih. Maka, upaya-upaya curang bisa digagalkan. (*Kompas*, 1 May 2013)

¹...”Kalau selama berkuasa dirasakan tidak memberikan atau kurang memberikan kemanfaatan, kesejahteraan, atau terlalu mementingkan diri sendiri, apalagi korup, tentu akan ditinggalkan rakyat”... (Kompas, 3 May 2013)

Manakala imej visual, *Kompas* lebih menonjolkan sosok Anwar berbanding Najib. Akhbar ini ingin memberi pesan kepada pembacanya tentang kerja keras Anwar dalam upaya memenangi PRU Malaysia. Pada edisi 24 April 2013, *Kompas* menyajikan gambar Anwar sedang berpidato di hadapan rakyat Malaysia di Melaka. Kemudian pada edisi 2 May 2013, akhbar ini kembali menunjukkan gambar Anwar yang berada di atas bas ketiks tiba di lokasi kempen di Putrajaya.

iii. Peranti Penalaran

Peranti penalaran ialah ide yang dibinakan dalam teks berita yang menumpukan bahawa apa yang ditulis dan disampaikan media adalah fakta yang benar. Sebuah berita tidak hanya ide, namun kumpulan dari temu bual serta fakta yang pada akhirnya menghasilkan berita. Berita itu bukan penjelasan suatu maklumat, tetapi juga bingkai maklumat dengan perspektif dan pandangan tertentu.

Dalam berita *Kompas*, peranti penalaran menunjukkan bahawa persaingan Anwar dan Najib disebabkan banyaknya soalan yang menimpa Malaysia seperti isu kesejahteraan yang tak merata, korupsi, diskriminasi ras, gaya kepimpinan yang tertutup, penyumbatan media, dan sebagainya. Selari itu, Malaysia juga menjadi negara yang terbuka dengan perkembangan teknologi maklumat. Rakyat Malaysia kini boleh mengakses maklumat dari pelbagai sumber media atas talian. Kini rakyat Malaysia sedar tentang politik dan hak-hak politiknya. Rakyat Malaysia semakin cerdas dan punya fikiran luas tentang politik. Inilah yang menjadi sebab-akibat dalam peranti penalaran kajian ini. Seperti dalam petikan di bawah ini:

...”Perkembangan teknologi informasi yang demikian pesat, yang pasti juga menyusup ke Malaysia, membuat rakyat semakin melek

informasi, semakin sadar politik, semakin sadar akan hak-hak politik mereka. Apa yang terjadi di beberapa negara Timur Tengah misalnya, pasti juga diketahui rakyat Malaysia”.. (*Kompas*, 3 May 2013)

¹ Peranti penalaran kemudian menghadirkan tuntutan moral tentang erti sebuah kemajuan mahupun perubahan. *Kompas* menunjukkan arti penting perubahan pada sebuah *caption* gambar.

...”Malaysia berhak atas masa depan yang lebih baik”... (*Kompas*, 29 April 2013)

Kemudian beberapa petikan lainnya seperti. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Anwar menjanjikan proses peralihan kekuasaan damai jika dirinya menang pemilu. Tak akan ada kebencian atau pencemaran nama baik. Minat kami hanyalah untuk memerintah secara adil”... (*Kompas*, 1 May 2013).

...”Pihak oposisi berencana memperkenalkan dan menerapkan aturan hukum serta kebijakan yang membantu seluruh warga Malaysia tanpa ada diskriminasi, baik secara ras maupun afiliasi politik”... (*Kompas*, 1 May 2013).

...”Kami menginginkan kebijakan yang memberi rasa percaya diri bagi semua pihak. Lebih dari setengah abad setelah merdeka, kami tak ingin ada kebijakan yang memarjinalkan orang Melayu miskin, mendiskriminasi warga Tionghoa, atau mengabaikan warga etnis India”... (*Kompas*, 1 May 2013).

...”Apabila kelompok oposisi memenangi pemilu, tentu sebuah kemajuan besar. Sebaliknya, jika partai yang berkuasa menang, tetapi dengan kemenangan tipis, ini sebuah peringatan bahwa mereka harus berubah. Malaysia tidak bisa mengelak, mereka harus berubah, lebih demokratis”... (*Kompas*, 3 May 2013)

Untuk konsekuensi, *Kompas* mengakui hasil sementara PRU Malaysia yang menunjukkan bahawa Najib berjaya. Pada hari pengundian itu juga, Najib sudah memenangkan beberapa kursi di parlimen. Berikut petikan beritanya:

...”Koalisi partai berkuasa di Malaysia, Barisan Nasional, unggul sementara dalam perolehan kursi di parlemen federal. Hingga berita ini diturunkan pukul 23.00, BN meraih 54 kursi, sedangkan

¹ koalisi oposisi Pakatan Rakyat meraih 30 kursi”... (*Kompas*, 6 May 2013)

PEMBINGKAIAN REPUBLIKA

i. Teras Pembingkai

Selama masa kempen sampai satu hari sesudah hari pengundian, *Republika* mulai menyajikan berita khas PRU Malaysia pada 28 April 2013. Pada edisi itu, *Republika* menyiarkan suasana panas yang berlaku menjelang pengundian Suasana panas bukan hanya “perang” pernyataan dari kubu Barisan Nasional mahupun Pakatan Rakyat, melainkan kes demi kes kerosakan dan kriminaliti. Semua mengarah pada persaingan Anwar dan Najib sebagai pemimpin di kedua-dua kubu berbeza.

Persaingan Anwar dan Najib boleh dilihat pada berita *Republika* yang disiarkan seperti pada tajuk “Jelang Pemilu, Malaysia Panas” (28 April 2013), “Opisiti Yakini Menang” (2 May 2013), “Najib dan Anwar Saling Serang” (3 May 2013), “Survei: Anwar Unggul Tipis Atas Najib” (4 May 2013), “Berebut Pemilih Muda” (5 May 2013), “Barisan Nasional Diunggulkan” dan “Pemilih Khawatir Kualitas Tinta” (6 May 2013). Isi berita yang mengandungi pertarungan Anwar dan Najib boleh dijumpai pada berita berikut:

...”Insiden kekerasan meningkat seiring dengan peningkatan suhu persaingan politik di pelbagai penjurua Malaysia menjelang pemilu. Perdana Menteri Najib Razak menjelaskan kekalahan koalisi partainya akan menjadi “bencana” bagi negaranya (*Republika*, 28 April 2013)

...”UMNO salah satu partai yang memimpin koalisi Partai Barisan Nasional. Kini partai dan koalisi tersebut tengah menghadapi tantangan yang paling serius setelah 55 tahun berkuasa. Ini akan menjadi perjuangan yang sangat sulit, pemilihan yang tangguh”... (*Republika*, 28 April 2013)

1

Republika sememangnya memperlagakan Anwar dan Najib pada PRU Malaysia tahun ini. Akhbar ini sentiasa menciptakan suasana panas melalui berita-beritanya. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut.

..."Anwar Ibrahim, pemimpin oposisi Partai Keadilan Rakyat (PKR) telah menantang Perdana Menteri berdebat menjelang pemilihan pada 5 May 2013 (*Republika*, 28 April)

Begitu juga dengan petikan pada berita berikut:

..."Anwar Ibrahim optimistis bakal memenangi pemilu pada 5 Mei mendatang. Jika terwujud, kemenangan itu akan meruntuhkan dominasi Barisan Nasional yang telah berkuasa di negeri jiran itu selama 56 tahun (*Republika*, 2 May 2013)

..."Eskalasi politik di Malaysia menjelang pemilu pada Ahad (5/5) kian memanas. Partai rezim penguasa dan kelompok oposisi terus merapatkan barisan dan mengumpulkan kekuatan. Dua kubu itu sesumbar bakal meraih suara terbanyak dalam pemilu dengan tingkat persaingan tertinggi sepanjang sejarah 56 tahun kemerdekaan Malaysia"... (*Republika*, 2 May 2013)

..." Anwar menyerang kebijakan korup pemerintahan Najib"... (*Republika*, 3 May 2013)

..."Pemilihan umum Malaysia yang diselenggarakan pada Ahad (5/5) ini diprediksi akan berlangsung ketat. Kelompok oposisi yang tergabung dalam Pakatan Rakyat (PR) pimpinan Anwar Ibrahim akan mencoba merebut kekuasaan dari kelompok koalisi yang tergabung dalam Barisan Nasional, pimpinan Najib Tun Razak"... (*Republika*, 5 May 2013)

ii. Peranti Pembingkai

Sejak pertama kali menyajikan berita PRU Malaysia, akhbar ini sudah mewacanakan persaingan Anwar dan Najib. *Republika* melihat kali ini ialah kesempatan berharga bagi Pakatan Rakyat untuk memenangkan PRU Malaysia. Oleh itu, untuk metafora, *Republika* mengibaratkan PRU Malaysia ini sebagai kekalahan kubu Barisan Nasional. "Kiamat

politik bagi front nasional”¹ (*Republika*, 3 May 2013).

Masa kempen dimanfaatkan oleh kedua-dua kubu untuk “perang urat syaraf” dengan tujuan meraih simpati rakyat. *Kompas* mengambil slogan janji Anwar melakukan perubahan jika menang. Anwar akan membuktikan dirinya sebagai pemimpin yang adil bagi seluruh rakyat Malaysia. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Anwar merasa yakin akan tampil sebagai pemenang kerana pemilih muda menginginkan perubahan”... (*Republika*, 2 May 2013).

...”Pemilih memihak Anwar lantaran kejenuhan”... (*Republika*, 3 May 2013). ...”Sudah saatnya ada perubahan kepemimpinan”... (*Republika*, 6 May 2013).

Untuk *exemplaar*, *Republika* bertumpu pada hasil survei yang diadakan pelbagai pihak di Malaysia. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Survei Merdeka Center pada 28 April hingga 2 Mei terhadap 1.600 responden menunjukkan 42 persen mendukung Anwar. Najib berada di bawah Anwar dengan dukungan 41 persen”... (*Republika*, 4 May 2013)

...”Jajak pendapat *Wall Street Journal* pada Kamis (2/5) itu menyebutkan selisih suara dua calon perdana menteri ini hanya empat persen. Najib harus rela melepas jabatan dengan hanya didukung 39 persen dari 1.047 responden dewasa. Anwar mendapat 43 persen dukungan”.. (*Republika*, 3, 4, dan 5 May 2013)

...”Hasil survei yang dilakukan Pusat Studi dan Pemilu dari Universitas Malaya (UMCEDEL), lebih dari 60 persen pemilih pemula lebih menyukai PR”... (*Republika*, 5 May 2013)

Melalui pelabelan, *Republika* mengangkat soalan semasa yang berlaku di di Malaysia iaitu korupsi. Akhbar ini menekankan erti penting pemerintahan yang bersih, bukan penyalahgunaan kewangan negara. Akhbar ini juga menunjukkan stail kepimpinan Najib yang tidak terbuka. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Sangkaan penyalahgunaan keuangan negara dan tertutupnya gaya pemerintahan Najib dan BN membuat Anwar kian tenar. Anwar menuduh Najib sebagai tukang tilep uang rakyat. Ketika Najib menjadi menteri pertahanan pada 2002 lalu, Najib menggelapkan

duit pembelian kapal selam senilai 2 miliar dolar AS dari Prancis (*Republika*, 3 May 2013)

...”Masyarakat sudah muak dengan pemerintahan semiotoriter yang selama ini berada di tampuk kekuasaan. Pemerintah arogan, korup, dan mengontrol media massa. Penguasa selama ini dituduh melakukan diskriminasi yaitu lebih mementingkan Melayu Muslim dibandingkan etnis Cina dan India”... (*Republika*, 2 May 2013)

1 iii. Peranti Penalaran

Dalam berita *Republika*, peranti penalaran menunjukkan bahawa persaingan Anwar dan Najib menjadi ketat disebabkan oleh rasa tidak puas rakyat Malaysia kepada pemerintahan Najib. Rakyat Malaysia menginginkan perubahan agar suasana dan kondisi Malaysia menjadi lebih baik. Ungkapan agar situasi negara lebih baik boleh dilihat pada berita berikut:

...”Masyarakat sudah muak dengan pemerintah semiotoriter yang selama ini berada di tampuk kekuasaan. Pemerintah juga arogan, korup, dan mengontrol media massa. Penguasa selama ini juga dituduh melakukan diskriminasi yaitu lebih mementingkan Melayu muslim dibandikan etnis Cina dan India”... (*Republika*, 2 May 2013)

...” Pemilih memihak Anwar lantaran kejenuhan”... (*Republika*, 3 May 2013)

Tuntutan moral *Republika* wujud dalam keinginan melihat pembangunan di Malaysia terus berlanjut. PRU merupakan jambatan bagi meneruskan pembangunan. Petikannya boleh dilihat pada berita berikut:

...”Pemerintah melakukan banyak banyak kesalahan, tapi Perdana Menteri sudah melakukan perubahan dan akan melakukan yang terbaik”... (*Republika*, 6 May 2013)

...”Dukungan Anda akan melanjutkan pembangunan. Pemenang pemilu Malaysia bukan BN atau PR, melainkan rakyat Malaysia”... (*Republika*, 6 May 2013)

¹ Konsekuensi dalam *Republika* iaitu PRU yang berakhir dengan keunggulan Barisan Nasional telah menyisakan kekuawatiran bagi pemilih. Hal ini boleh dilihat pada petikan berikut:

...”Hasil pemilu sementara menunjukkan rezim penguasa masih mendapat tempat di hati rakyat. Dukungan Anda akan melanjutkan pembangunan Malaysia”... (*Republika*, 6 May 2013)

...”Insya Allah PR telah menang. Kemenangan itu bisa saja sirna apabila ada pelanggaran pemilu oleh rezim penguasa”... (*Republika*, 6 May 2013)

...”Pemungutan suara dalam pemilu Malaysia pada Ahad (5/5) menyisakan kekhawatiran pemilih. Tinta pemilu sebagai tanda bagi pemilih yang sudah memberikan hak pilih ternyata mudah hilang. Mereka khawatir ini menjadi ajang kecurangan”... (*Republika*, 6 May 2013)

...”Ratusan warga mengeluhkan bermacam hal. Seperti tinta permanen sebagai penanda pemilih yang mudah terhapus. Tak hanya itu, tindak kekerasan sempat terjadi di Penang. Ketidakpuasan pemegang suara pemilu Malaysia menyeruak di seantero negara Malaysia. Warga Malaysia juga menyampaikan keprihantinan ini di berbagai media sosial”... (*Republika*, 6 May 2013)

Secara keseluruhan pbingkaian *Kompas* dan *Republika* boleh dilihat secara terperinci pada jadual 5 berikut:

Profil bingkai *Kompas* dan *Republika* pada PRU Malaysia pada jadual 5

Meta-Frame	<i>Kompas</i>	<i>Republika</i>
Teras pbingkai (core frame)	¹ Persaingan Anwar Ibrahim dan Najib Razak	Persaingan Anwar Ibrahim dan Najib Razak
Metafora (metaphors)	Hari pengadilan bagi parti berkuasa	Kiamat politik bagi front nasionalis
Slogan (catchphrases)	Bersih dan Berubah	Perubahan
Contoh (exemplars)	¹ Survei mengunggulkan Anwar Ibrahim dibandingkan Najib Razak	Survei mengunggulkan Anwar Ibrahim dibandingkan Najib Razak

Label (depictions)	Pemerintah curang, korupsi, semiotoriter, arogan, diskriminatif	Pemerintah korupsi dan gaya kepimpinan tertutup
Imej visual (visual image)	Lebih menonjolkan sosok Anwar Ibrahim	Lebih menonjolkan sosok Anwar Ibrahim
Analisis sebab-akibat (roots)	Ketidakpuasan rakyat atas kerja pemerintah	Ketidakpuasan rakyat atas kerja Pemerintah
Tuntutan moral (appeals to principle)	Kemajuan dan perubahan	Pembangunan berkelanjutan
Konsekuensi (consequences)	Mengakui hasil PRU dengan keunggulan Najib Razak	PRU berakhir dengan keunggulan Najib kekhawatiran bagi pemilih menyisakan

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian dengan merujuk kepada objektif kajian yang ditetapkan iaitu mengungkap kecondongan dan pembingkaian berita PRU Malaysia oleh *Kompas* dan *Republika*. Pada bahagian pertama, secara amnya media memiliki peranan penting dalam mempengaruhi budaya tertentu melalui penyebaran maklumat. Konstruksi sosial realiti ialah pendekatan bagi menceritakan sebuah peristiwa mahupun keadaan dalam proses penyebaran maklumat. Mengkonstruksi suatu peristiwa berkaitan dengan strategi media dalam membuat liputan peristiwa, memilih dan memaparkan fakta dan dengan cara apa fakta disajikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung (Sobur, 2002).

Oleh itu, *Kompas* dan *Republika* memiliki pandangan yang sama ke atas PRU Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan penyajian berita PRU Malaysia yang dijalankan secara berterusan sebelum dan sesudah hari pengundian. Kedua-dua akhbar ini menganggap hasil akhir PRU Malaysia akan membawa kesan kepada Indonesia. Siapapun yang menang pada PRU tersebut, Indonesia memiliki kepentingan kepadanya. Maka sangat wajar bagi kedua-dua akhbar ini memberi ruang yang cukup besar bagi

¹ penyiaran PRU Malaysia kepada rakyat Indonesia. Dari sisi intensiti, *Kompas* sememangnya lebih besar berbanding *Republika*. Tetapi dari segi peletakan berita, *Republika* lebih mengangap PRU Malaysia lebih penting sebab ianya meletakkan empat kali di muka surat utama, manakala *Kompas* hanya dua kali. Begitu juga dengan sokongan berita, sama ada *Kompas* mahupun *Republika* memasang grafik, karikatur, petikan. Kewujudannya sangat penting bagi menambah data dan maklumat baru kepada pembaca. Dengan demikian ini bererti bahawa sama ada *Kompas* mahupun *Republika* memandang PRU Malaysia sebagai peristiwa yang memiliki nilai berita sangat tinggi. Yang lebih menarik ialah polis *Kompas* yang mengirim wartawannya ke Kuala Lumpur. Ini membuktikan *Kompas* ingin memberi maklumat paling semasa dari PRU Malaysia bagi pembacanya. *Kompas* lebih deskriptif kerana mengirim wartawannya ke Kuala Lumpur, manakala *Republika* lebih bertumpu pada *talkative journalism*. *Kompas* ingin menyampaikan kepada pembacanya bahawa mereka boleh lebih detail menyajikan berita PRU melalui wartawannya di Kuala Lumpur.

Dalam pbingkaian berita PRU Malaysia, *Kompas* dan *Republika* mempunyai persamaan dan perbezaan. Ia boleh didapati pada penggunaan bahasa dan simbol. Dalam analisis pbingkaian model Gamson dan Modigliani, bahasa dan simbol ini merupakan bahagian dari peranti pbingkai dan peranti penalaran. Adanya persamaan berkaitan dengan sistem media dan perundangan Indonesia, kebijakan bilik berita mahupun industri media tersebut. Media bukan mustahil mempunyai sikap politik, kepentingan, dan kebijakan bilik berita tertentu mengenai suatu kekuatan politik dimana faktor-faktor ini berpengaruh terhadap penggunaan simbol politik, pembungkusan mesej, dan pemberian tempat kepada kekuatan politik tersebut. Namun dalam sudut lain juga terlihat bahawa media memanfaatkan sentimen ideologi untuk mempertahankan penjualannya dengan menyembunyikan motivasi ekonomi dalam konstruksi yang bersifat politik praktikal media.

Kedua-dua akhbar ini menunjukkan kecondongannya kepada salah satu pihak, khususnya kepada Anwar Ibrahim. *Kompas* dan *Republika* membina fikiran kepada pembacanya bahawa Anwar akan menang. Hal ini boleh didapati pada pilihan kata pada

¹ tajuk berita *Kompas* seperti “Oposisi Jual Penang, BN Waswas”, “Anwar Ibrahim dan Partainya Lebih Populer”, “Anwar Ibrahim Yakin Menang”, “Era Pembangkang”, dan “Malaysia Tak Bisa Mengelak”.¹ Sedangkan di tajuk berita *Republika* seperti “Oposisi Yakin Menangi Pemilu” dan “Survei: Anwar Unggul Tipis Atas Najib, serta sub tajuk Anwar Ibrahim Mengklaim Menang.

Selain imej positif, ada pula imej negatif ke arah Najib yang disiarkan *Kompas* seperti pada tajuk berita “Kebijakan Populis Bebani Rakyat”, Ada Indikasi Kecurangan”. Tidak Cuma merugikan Najib, pilihan kata pada berita-berita tersebut justru memberikan imej positif kepada Anwar. Kecondongan lain *Kompas* kepada Anwar boleh didapati pada berita bertajuk “Era Pembangkang” dan “Malaysia Tak Bisa Mengelak”. Berita “Era Pembangkang” membahas khusus perjalanan karier politik Anwar Ibrahim di Malaysia. Berita-berita tersebut menciptakan fikiran baru tentang erti penting perubahan di Malaysia melalui pilihan raya umum.

Begitu pula *Republika*, akhbar ini sangat condong kepada Anwar. Akhbar ini mbingkai fikiran bahawa Anwar ialah pemenang PRU Malaysia. Faktor dalaman media, kerja wartawan, kepentingan, dan boleh dianggap sebagai faktor yang berpengaruh. Akhbar ini melakukan strategi pbingkaian dalam membungkus realiti ke dalam suatu struktur tertentu sehingga isunya mempunyai makna. *Republika* mbingkainya dengan cara menonjolkan suatu fakta dan menyembunyikan fakta lain. Akhbar ini memilih mana yang penting dan mana yang dibuang.

Pada pelbagai berita, *Kompas* selalu mengutip pernyataan kedua-dua tokoh tersebut. Namun demikian, secara kuantiti *Kompas* tampak lebih mengarah pada Anwar. Hal itu dibuktikan dengan banyaknya gambar Anwar berbanding Najib. Bahkan penyebutan Anwar lebih kerap ditemukan pada awal-awal berita beranding Najib. *Kompas* dan *Republika* mempunyai latar belakang akhbar berbeza. Perbezaan tersebut terlihat jelas dari sejarah pendirian dan pemilikan media yang tercermin dalam visi misi kedua-dua akhbar tersebut. *Kompas* dikenal sebagai media dengan ideologi nasionalis sedangkan *Republika* agamis (islam). Oleh itu, boleh difahamkan bahawa *Kompas* dan

¹ *Republika* secara langsung mahupun tidak langsung dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalam menyajikan PRU Malaysia. Faktor-faktor itu antara lain ideologi, sistem politik, kerja wartawan, kebijakan bilik berita, mahupun kumpulan berkepentingan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya kajian ini melihat bagaimana kecondongan dan pembinaan bingkai berita PRU ke-13 Malaysia dalam *Kompas* dan *Republika*. Kedua-dua akhbar ini memandang PRU Malaysia sebagai hal penting yang akan berimpak kepada hubungan Indonesia dan Malaysia. Oleh itu, sama ada *Kompas* mahupun *Republika* memberi perhatian cukup besar kepada PRU Malaysia. Hal ini dibuktikan dengan kewujudan PRU Malaysia yang diletakkan sebagai berita utama pada *Kompas* mahupun *Republika*. *Kompas* bahkan mengirim wartawannya ke Kuala Lumpur kerana PRU Malaysia sangat penting bagi Indonesia. Manakala pemingkaian berita, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua akhbar ini memihak kepada salah satu kandidat dan parti tertentu. Meskipun ideologi *Kompas* dan *Republika* berbeza, kedua-duanya memihak kepada Anwar Ibrahim berbanding Najib Razak. Sama ada *Kompas* mahupun *Republika* membina imej positif kepada Anwar Ibrahim, manakala imej negatif kepada Najib Razak.

RUJUKAN

- Berelson, B. 1952. *Content analysis in communication research*, New York: The Free Press
- Brighton, P. & Foy, D. 2007. *News Value*, London: SAGE Publications
- Chong, D. & Druckman, N. J. 2007. Framing Theory, *Annu. Rev. Polit.*10:103-26.
- D'Angelo, P., & Kuypers, A. J, 2010. *Doing News Framing Analysis, A Empirical and Theoretical Perspectives*, New York: Routledge.
- Edelman, M. 1993. Contestable categories and public opinion. *Political Communication* 10 (3): 231-242.

- Entman, R. M. 1993. Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication* 43 (4): 51-58.
- Eriyanto. 2002. *Analisis Framing, Konstruksi, Ideologi, dan Politik Media*, Yogyakarta: LKIS.
- Eriyanto. 2011. *Analisis Isi: Pengantar Metodologi untuk Penelitian Ilmu Komunikasi dan Ilmu-ilmu Sosial lainnya*, Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Faridah, I., Dil, F.J.S., H.S. Norzita Y, Chang, P.K., & Normah, M. 2014. News on Foreign War versus Local 'War': Perception of Malaysian Audience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 155 (2014) 533 – 538.
- Galtung, J., & Ruge, M. Holmboe. 1965. The Structure of Foreign News. *Journal of Peace Research*, Vol. 2, pp. 64-91.
- Gamson, W. A. 1996. Media Discourse and public opinion on nuclear power: a constructionist approach, *American Journal of Sociology*, 95, 1-37.
- Goffman, E. 1974. *Frame Analysis: An Essay on the Organization of Experience*. Boston: Northeastern University Press.
- Gustia, A.Y. 2009. Konstruksi Pemberitaan Konflik Israel-Palestin Dalam Media Cetak: Analisis Framing ke Atas Majalah Islam *Sabili* dan *Tempo*.
- Hallahan, K. 2007. Seven Models of Framing: Implication for Public Relations, *Journal of Public Realties Research*, 11 (3), 205-242.
- Herman, A., & Nurdiansa, J. 2010. Analisis Framing Pemberitaan Konflik Israel - Palestina dalam Harian Kompas dan Radar Sulteng, *Jurnal Ilmu Komunikasi*, Vol. 8, No 2, 154 – 168.
- Iyengar, S. 2007. Framing Responsibility for Political Issues: The Case of Poverty. *Political Behavior*, Vol. 12, No. 1: 19-40.
- Jeniri, A. 2007. *Akhbar Politik Politik Akhbar*, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Lee, S. T., Maslog, C. C., & Kim, H. S. 2006. Asian Conflict and The Iraq War: A Comparative Framing Analysis. *International Communication Gazette* 68:499.
- McCombs, M. 2004. *Setting The Agenda: The Mass Media and Public Opinion*, Cambridge: Polity Press.
- McQuail, D. 2010. *Mass Communication Theory: An Introduction*, London: SAGE Publication.

- Pan, Z. P., & Kosicki, G. M. 1993. Framing Analysis: An Approach to News Discourse, *Political Communication*, Vol. 10. Pp 55-75.
- Reese, S. D. 1990. The News Paradigm and The Ideology of Objectivity: A Socialist at The Wall Street Journal. *Critical Studies in Mass Communication*7: 390-409.
- Safar, H., M. 1996. *Akhbar dan Kuasa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Scheufele, D. A., & Tewksbury, D. 1999. Framing as Theory of Media Effect, *Journal of Communication*, 49 (1) 103-122.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. 2000. Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2): 93-109.
- Sitompul, P. 2010. Kecenderungan Pemberitaan Media Cetak dan Tanggapan dari Berbagai Kalangan Tentang Klaim Malaysia Atas Pulau-Pulau Terluar dan Seni Budaya Indonesia, *JPKP* Vol. 11. No. 1: 32-58.
- Tuchman, G. 1978. *Making News: A Study in the Construction of Reality*, New York: Free Press.
- Vreese, C. H. de. 2005. *News framing: Theory and Typology*, 13 (1). 51-62.

Ruslan Ramli

Pelajar program doktor falsafah pada Pusat Pengajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM.

Chang Peng Kee dan Shahrul Nazmi Sannusi

Pusat Pengajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM.

PEMBINGKAIAN BERITA PILIHAN RAYA UMUM KE-13 MALAYSIA OLEH KOMPAS DAN REPUBLIKA

ORIGINALITY REPORT

82%
SIMILARITY INDEX

83%
INTERNET SOURCES

1%
PUBLICATIONS

3%
STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1 journalarticle.ukm.my
Internet Source

80%

2 Submitted to Broward Community College
Student Paper

2%

Exclude quotes On
Exclude bibliography On

Exclude matches Off